

## **Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**

Journal of Islam and Contemporary Society



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

### **[IMPLEMENTATION OF MYUSRATI PROPHETIC MODULE IN STUDENT HUMAN DEVELOPMENT AT THE ACADEMY OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES (ACIS), UITM SHAH ALAM]**

### **PERLAKSANAAN MODUL PROFETIK MYUSRATI DALAM PEMBANGUNAN INSAN MAHASISWA DI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS), UITM SHAH ALAM**

HAJAR OPIR<sup>1</sup>

MARDHIYYAH SAHRI<sup>1</sup>

AMIRATUL MUNIRAH YAHAYA<sup>1</sup>

WAN YUSNEE ABDULLAH<sup>2</sup>

MASITAH ESA<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies Universiti Teknologi MARA (UiTM) 40450 Shah Alam Selangor

<sup>2</sup> Centre for Foundation and General Studies, Universiti Selangor

<sup>3</sup> Yayasan Dakwah Islam Malaysia

\*Corresponding Author: hajar\_opir@uitm.edu.my

Received Date: 15 May 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

#### **Abstract**

MyUsrati is a prophetic module designed specifically for human development that focuses on becoming a student. This module is holistic in nature that integrates the cognitive, affective and psychomotor domains. It is in line with the direction and strategic plan of UiTM based on ESI (Excellence Synergy Integrity) and iDART (discipline of diligent, trust and responsibility), to produce competent, skilled and excellent students. Therefore, this study aims to evaluate the implementation of MyUsrati modules using quantitative methods questionnaire involving 264 respondents among semester 1 students October 2020-February 2021 session at the level of Bachelor of Halal Industry Management and Muamalat, Academy of Contemporary Islamic Studies, ACIS Shah Alam. Data were analyzed descriptively and presented in percentage form. The results of the study found that the MyUsrati module is very significant on the formation of students' personality, including cognitive, affective and psychomotor aspects.

**Keywords:** MyUsrati Prophetic Module, Human development, students.

#### **Abstrak**

MyUsrati merupakan modul profetik yang dirangka khusus bagi pembangunan insan yang memberi fokus terhadap kemenjadian mahasiswa. Modul ini bersifat holistik yang mengintegrasikan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Ia selaras dengan hala tuju dan pelan strategik UiTM berdasarkan ESI (Excellence Synergy Integrity) dan iDART (ilmu disiplin amanah,

rajin, tanggungjawab) bagi melahirkan mahasiswa yang kompeten, berketerampilan dan unggul. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai perlasanaan modul MyUsrati yang telah dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik yang melibatkan 264 respondan dalam kalangan pelajar semester 1 sesi Oktober 2020-Februari 2021 di peringkat Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal dan Muamalat, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, ACIS Shah Alam. Data dianalisa secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan. Hasil kajian mendapati bahawa modul MyUsrati sangat signifikan terhadap pembentukan saksiah para pelajar merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor.

**Kata kunci:** Modul Profetik MyUsrati, Pembangunan Insan, mahasiswa.

**Cite as:** Hajar Opir, Mardhiyyah Sahri, Amiratul Munirah Yahaya,Wan Yusnee Abdullah, Masitah Esa. 2021. [Implementation of Myusrati Prophetic Module in Student Human Development at The Academy of Contemporary Islamic Studies (Acis), Uitm Shah Alam] Perlaksanaan Modul Profetik Myusrati dalam Pembangunan Insan Mahasiswa di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis), Uitm Shah Alam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 109-118.

## PENGENALAN

Pembangunan modal insan merupakan wahana penting dalam membentuk individu yang berkualiti. Ia mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya intelektual yang mapan, berkemahiran tinggi, berakhlak mulia, jati diri yang unggul, kompeten dan inovatif (Atikullah, 2008). Bahkan merupakan alat terpenting untuk memperkembang dan membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri nilai Islam dan meningkatkan peradaban ummah (Abdul Rahman, 2006).

Pembangunan lazimnya diertikan bagi menunjukkan sesuatu peningkatan atau pertumbuhan daripada tahap rendah kepada yang lebih tinggi (Faudzinaim, 2006). Menurut Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2003), pembangunan bermaksud berlakunya pertumbuhan terhadap sesuatu atau seseorang ke arah yang lebih maju. Ini merangkumi sesebuah masyarakat atau negara yang bersifat proaktif ke arah memaju dan meningkatkan kualiti kehidupan (Nik Mustafa, 2005). Manakala pembangunan insan pula merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti dalam pelbagai aspek (Sidek Baba, 2008). Dalam erti kata lain memperkasakan individu dan anggota komuniti (Hasnah Hussin, 2007). Menurut Syed al-Attas pembangunan modal insan adalah mengubah keadaan sedia ada menjadi lebih baik. Ini dapat direalisasikan dengan pembentukan masyarakat yang sempurna (Mohd Fauzi & Mohd Khairul, 2012). Konsep pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada konsep pembangunan manusia yang lebih besar, yang sudah diiktiraf dan diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1990 (Haryati, Sharifah & Zakila, 2009).

Mahasiswa merupakan aset terpenting dalam memacu pembangunan Negeri Selangor khusus ke arah *Smart State* 2025. Peranan mahasiswa bukan sahaja melalui percambahan idea dan akademik malah aspek kurikulum juga merupakan elemen penting dalam melahirkan mahasiswa yang berdaya saing dan berkompeten (Nur Farhana, 2019). Justeru Model MyUsrati adalah alternatif yang dirangka oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) bagi menyahut aspirasi Kerajaan Negeri Selangor.

Program MyUsrati merupakan inisiatif yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan dan Kebajikan Pelajar di bawah kendalian Hal Ehwal Pelajar ACIS, kampus UiTM Shah Alam. Ia berteraskan Modul Pembangunan Insan Mahasiswa (MPIM) bertujuan melahirkan mahasiswa yang mempunyai keperibadian muslim profesional yang unggul, membentuk kepimpinan yang kompeten dan bersifat kontemporari. Pelaksanaan MyUsrati juga selari dengan aspirasi UiTM dan mendokong visi serta misi universiti yang mementingkan aspek nilai seperti amalan budaya *Excellent, Synergy* dan *Integrity* (ESI). Begitu juga penerapan terhadap aplikasi nilai Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (IDART) dalam diri mahasiswa dan mahasiswi. Selain itu, tujuan pelaksanaan MyUsrati bagi membina generasi kepimpinan mahasiswa ACIS yang berasaskan tiga peringkat, bermula dengan pembentukan jati diri muslim yang unggul (Abdul Aziz, 2010), seterusnya melahirkan generasi mahasiswa yang mukmin (Che Bakar, 2007) dan akhirnya menjadi pemimpin dan pendakwah dalam masyarakat ke arah perubahan yang positif (Suhairimi, 2010).

Pembinaan modul MyUsrati ini melibatkan tim pembangun modul yang terdiri dari sekumpulan pensyarah ACIS seramai 7 orang, kampus UiTM Shah Alam. Kombinasi dari pelbagai bidang kepakaran seperti Pengajian Pendidikan Islam, Pengajian Muamalat dan Pengajian Halal. Pihak pentadbiran yang terdiri dari Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Koordinator Pembangunan dan Kebajikan serta beberapa pensyarah turut terlibat secara langsung dalam pembinaan modul tersebut. Pada peringkat permulaan, bengkel perlatihan kepada 31 para nuqaba iaitu 11 pelajar mahasiswa dan 20 pelajar mahasiswi. Pelaksanaan MyUsrati dilakukan terhadap semua pelajar tahun satu ACIS bagi semester 1 sesi 2020/2021 yang melibatkan keseluruhan seramai 264 pelajar iaitu terdiri daripada 125 pelajar Sarjana Muda Muamalat dan 139 pelajar Sarjana Muda Pengurusan Halal ACIS, UiTM Shah Alam.

Konsep pelaksanaan MyUsrati adalah bercirikan mentor-mentee yang melibatkan jalinan antara pelajar senior dan junior. Selain berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman, mereka saling menasihati dalam hal pembelajaran dan kehidupan. Akhirnya melahirkan interaksi yang positif dalam kalangan pelajar secara tidak formal. Kaedah penyampaian MyUsrati menggunakan pendekatan asas IQ melalui interaksi al-Quran yang memaparkan penghayatan al-Quran berteraskan tema-tema terpilih. Seterusnya Aktiviti, Dinamik, Interaktif, Qalbu (ADiQ) yang melibatkan aktiviti yang bersifat interaktif secara maya, dinamik dan menyentuh kalbu. Oleh kerana pandemik Covid-19 masih belum berakhir semasa kajian ini dilaksanakan, perlaksanaan program ini menggunakan medium atas talian sebagai kaedah penyampaian yang dilihat lebih berkesan. Interaksi melalui pelbagai platform yang kreatif ini menjadikan aktiviti MyUsrati lebih menarik. Program ini dikendalikan oleh Exco Kerohanian Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) ACIS, kampus UiTM Shah Alam. Modul MyUsrati ini terdiri dari dua (2) fasa iaitu untuk tempoh setahun. Fasa pertama modul ini menekankan pembangunan saksiah pelajar yang terdiri dari tujuh (7) kandungan dengan tujuh (7) kali pertemuan. Manakala fasa berikutnya memfokuskan aspek kepimpinan. Rajah 1 menunjukkan modul MyUsrati.

Rajah 1: Kandungan MyUsrati

MINGGU	KONSEP	OBJEKTIF	SURAH	NILAI	KEMAHIRAN
1	Keizzahan	1. Melahirkan pelajar	Surah al-	• I-DART (Ilmu)	Memahami

	Islam	yang memahami Islam secara menyeluruh ( <i>syumul</i> ) 2.Cintakan Islam	Baqarah ayat 208	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Islam itu sempurna.</li> <li>• Islam the way of life</li> </ul>	Tasawwur Islam secara menyeluruh
2	Hamba Allah: ' <i>Ibad al-Rahman</i>	Mengenal pasti dan mencontohi ciri-ciri ' <i>Ibad Al-Rahman</i>	Surah Al-Furqan: 63-77	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (Rajin)</li> <li>• Tekun beribadah</li> <li>• Bersederhana</li> <li>• muhasabah diri</li> </ul>	Komunikasi – interaksi yang baik sesama manusia
3	Individu Mukmin yang Mithali	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menonjolkan akhlak yang mulia melalui dakwah bil hal.</li> <li>2. Menjadi contoh teladan yang baik</li> </ol>	Surah Mukminun : 1-11	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (Amanah)</li> <li>• Beramal dengan apa yang diperkatakan.</li> <li>• ESI - Sinergi yang bersistematik</li> </ul>	Perancangan yang teratur
4	Bekerja secara berkumpulan dan Sistematik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bekerja secara berpasukan dan berstrategi.</li> <li>2. Elakkan 'HERO' secara individu</li> </ol>	Surah al-Saff : 1-4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (tanggungjawab)</li> <li>• ESI – Excellent dan Sinergi</li> </ul>	Merancang Follow up Menilai Menyelesaikan masalah
5	Generasi Perubah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdakwah secara hikmah</li> <li>2. Pamerkan akhlak muslim</li> <li>3. Saling menasihati</li> </ol>	Surah An-Naml: 20-28	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (Ilmu, Disiplin)</li> <li>• Berhujah dengan dalil yang sahih</li> <li>• Kreatif berdakwah</li> <li>• Dakwah mengikut realiti semasa.</li> </ul>	Komunikasi berkesan 'Good Listener' Rajin
6	Adab Menyantuni	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cabaran Berdakwah</li> <li>2. Strategi berdakwah secara berkesan</li> </ol>	Surah An-Nahl:125	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (integriti)</li> <li>• Beradab</li> <li>• Kesabaran</li> <li>• Keazaman</li> </ul>	Komunikasi Verbal & non verbal
7	Muslim Produktif	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebijaksanaan pemimpin mengurus.</li> <li>2. Pemimpin kuasai ilmu</li> </ol>	Surah al-Baqarah : 30-38	<ul style="list-style-type: none"> <li>• I-DART (Sinergi)</li> <li>• Team Work</li> <li>• Pengurusan</li> <li>• Prioritisation</li> </ul>	Potensi Intelektual

		bersifat realiti & semasa			
--	--	------------------------------	--	--	--

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui soal selidik. Menurut Chua (2006), kajian kuantitatif adalah berdasarkan inkir positif di mana data yang diambil dianalisis dalam ujian statistik yang bersesuaian. Kaedah soal selidik menggunakan kombinasi jenis tertutup dan terbuka. Soal selidik tertutup digunakan bagi menilai aspek kehadiran dan keaktifan pelajar. Soal selidik terbuka pula digunakan oleh naqin dalam menilai respon pelajar. Manakala kaedah analisis adalah secara deskriptif melalui kaedah peratusan bagi menjelaskan perlaksanaan modul MyUsrati.

## ANALISA DAN PERBINCANGAN

Penilaian dilakukan kepada 21 orang pembawa usrah (*naqib*) melalui kaedah tinjauan menggunakan *Google Form*. Fokus penilaian tertumpu kepada tiga aspek iaitu kehadiran para pelajar, keaktifan pelajar dan penilaian *naqib* terhadap respon pelajar. Data dianalisa dari laporan yang dijalankan terhadap minggu 1, 2 dan 3 dalam program MyUsrati.

### Kehadiran Pelajar

Bagi aspek yang pertama iaitu kehadiran para pelajar, setiap *naqib* ditugaskan membawa seramai 10 orang pelajar. Kehadiran pelajar di dalam minggu 1 direkodkan seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kehadiran pelajar ke program MyUsrati Minggu 1

Kehadiran	Bilangan Naqib	Peratus
Penuh	15 orang	71.42
Kurang seorang	2 orang	9.52
Kurang dua orang	3 orang	14.28
Kurang tiga orang	1 orang	4.76

Hasil kajian mendapati kehadiran pelajar adalah memuaskan. Ini kerana 15 dari 21 orang *naqib* melaporkan kehadiran penuh para pelajar ke program MyUsrati yang dijalankan menjadikannya sebanyak 71.43 peratus. Manakala bagi *naqib* yang lain, terdapat dua usrah yang kurang seorang, tiga usrah yang kurang dua orang dan satu usrah yang kurang tiga orang menjadikan kehadiran ke usrah berkenaan tidak lengkap. Biarpun tidak ramai, 28.57 peratus dari usrah yang dibawa tidak mempunyai kehadiran penuh.

Jadual 2: Kehadiran pelajar ke program MyUsrati Minggu 2

Kehadiran	Bilangan Naqib	Peratus
Penuh	10 orang	47.61

Kurang seorang	5 orang	23.80
Kurang dua orang	3 orang	14.28
Kurang tiga orang	2 orang	9.52
Belum dijalankan	1 orang	4.76

Jadual 2 menunjukkan kehadiran pelajar ke program MyUsrati bagi minggu ke 2. Kehadiran penuh ialah 47.61 peratus, manakala selebihnya tidak mempunyai ahli kumpulan yang cukup ketika program berjalan. Malah terdapat satu kumpulan yang masih belum dijalankan iaitu 4.76%. Namun catatan laporan dari *naqib* mendapati antara puncanya ialah tanggungjawab di rumah, kesibukan dengan tugas akhir pelajar seperti ujian dan kertas kerja serta masalah internet yang kurang baik. Bagi penambahbaikan program di masa akan datang, sebaiknya perbincangan dilakukan bersama supaya program dapat dibuat dalam waktu yang lebih kondusif untuk semua ahli kumpulan.

Seterusnya kehadiran pelajar bagi minggu 3 program dapat dianalisa melalui Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Kehadiran pelajar ke program MyUsrati Fasa 3

Kehadiran	Bilangan <i>Naqib</i>	Peratus
Penuh	9 orang	42.85
Kurang seorang	1 orang	4.7
Kurang dua orang	2 orang	9.52
Kurang tiga orang	Tiada	-
Belum dijalankan	8 orang	38.09


Kajian mendapati peratus kehadiran penuh adalah 69.2 peratus. Namun perlu diambil kira bahawa terdapat 8 orang *naqib* iaitu bersamaan 38.09% yang belum menjalankan program Fasa 3 ketika data ini dikumpulkan. Data menunjukkan trend penurunan kehadiran bahkan peratusan program yang belum dilaksanakan agak tinggi. Menurut laporan, antara faktor bagi kumpulan yang kehadiran tidak penuh, ialah masalah capaian internet dan kesibukan para pelajar dengan tugas akhir semester.

Secara keseluruhan, kehadiran pelajar ke program MyUsrati untuk ketiga-tiga fasa adalah memuaskan kerana majoriti pelajar hadir dan faktor utama kehadiran tidak penuh adalah bersifat luaran iaitu masalah internet dan waktu yang tidak sesuai. Kajian seterusnya perlu dilakukan terhadap peserta program MyUsrati agar dapat memperolehi kefahaman yang jelas tentang kekangan para pelajar mengikuti program samada masalah capaian internet, kesibukan urusan pelajar, waktu yang dijalankan tidak sesuai atau tidak berminat.

## Keaktifan Pelajar

Aspek kedua yang dikaji ialah keaktifan para pelajar semasa program MyUsrati. Data bagi Fasa 1 dianalisa dan dirumuskan dalam carta 1 berikut.


■ aktif ■ pasif ■ separa aktif



Carta 2: Keaktifan Pelajar Ketika MyUsrati Fasa 1

Kajian mendapati 72% pelajar aktif ketika program MyUsrati Fasa 1 berlangsung. Terdapat 14% pelajar yang separa aktif, sama ada tidak responsif atau mempunyai sifat pemalu yang masih menebal. Manakala 14% pelajar lagi adalah dalam kategori bersikap pasif ketika program berjalan, ini termasuk tidak memberi respon kepada soalan atau perbincangan yang dilakukan.


Ketika Fasa 2 dijalankan, didapati para pelajar lebih aktif seperti yang terdapat di dalam Carta 2 berikut.



Carta 2: Keaktifan Pelajar Ketika MyUsrati Fasa 2

Kajian menunjukkan 62% kumpulan pelajar adalah aktif, 33 peratus separa aktif dan cuma 5 peratus adalah pasif. Walaupun peratusan pelajar yang aktif sedikit menurun, tetapi peratusan pasif makin mengecil manakala pelajar separa aktif meningkat. Ini disebabkan pelajar semakin selesa dan mengenali antara satu sama lain serta mewujudkan interaksi dan berkomunikasi dengan lebih baik.

Carta 3 di bawah seterusnya menunjukkan keaktifan pelajar ketika Fasa 3. Data yang dianalisa adalah dari 13 kumpulan sahaja memandangkan 8 lagi kumpulan belum memulakan program Fasa 3 ketika data dikumpulkan.



Carta 3: Keaktifan Pelajar Ketika MyUsrati Fasa 3

Hasil kajian mendapati keaktifan para pelajar semakin baik iaitu sebanyak 84%. Hanya 8% pelajar bersifat separuh aktif dan pasif. Ini menunjukkan bahawa interaksi dalam kalangan ahli MyUsrati semakin erat, saling memahami antara mereka dan semakin serasi.

Secara keseluruhan, para pelajar adalah aktif dan tahap keaktifan di dalam program semakin baik mengikut kekerapan program yang dijalankan. Bagi kumpulan yang pelajarnya separuh aktif atau pasif, kajian lanjut boleh dilakukan untuk menganalisa punca pelajar kurang aktif sama ada masalah berkaitan internet, penyampaian tidak menarik atau personaliti pelajar yang kurang cenderung untuk bersikap aktif.

### **Penilaian *Naqib* dan *Naqibah***

Hasil dapatan daripada soal selidik terbuka merumuskan beberapa penilaian *naqib* terhadap perlaksanaan program MyUsrati.

#### i. Respon dan Impak Program

Respon yang diberikan sangat memberangsangkan kerana 100% para *naqib* memberi komentar yang positif terhadap perlaksanaan MyUsrati. Ini dapat dibuktikan melalui reaksi positif yang ditunjukkan oleh anak buah mereka seperti aktif dalam menyuarakan pendapat, mudah menyumbang idea-idea dan memberi pandangan. Bahkan mereka selesa untuk berkongsi masalah dan menceritakan hal berkaitan peribadi dan akademik secara santai tetapi mengesani jiwa mereka. Secara tidak langsung MyUsrati adalah platform untuk memenuhi kualiti masa dengan perkara yang positif dalam usaha mendidik diri ke arah yang lebih baik tetapi dengan pendekatan yang anjal dan santai.

Selain itu, *naqib* berpandangan bahawa program ini memberi impak yang positif terhadap wawasan dan halatuju kehidupan mereka. Sebagai generasi pewaris negara, bangsa dan agama, input-input yang membina sangat diperlukan. MyUsrati membuka ufuk pemikiran dan minda mereka melihat kehadapan dengan lebih tuntas demi kelangsungan agama dan kehidupan di tanah air tercinta. Ini dapat dibuktikan melalui maklumbalas pelajar apabila diajukan persoalan-persoalan tentang matlamat hidup, jangkauan masa depan dan peranan yang boleh dimainkan kepada komuniti. Majoriti pelajar mengakui bahawa matlamat hidup mereka lebih jelas iaitu untuk menjadi Muslim professional yang lebih baik dan memberi manfaat kepada orang lain.

#### ii. Pencapaian Objektif Program

Para *naqib* menyatakan bahawa program Myusrati menjadi medium yang ampuh dalam membentuk sahsiah dan peribadi yang baik. Melalui kandungan silibus yang telah mereka lalui ternyata ilmu yang disampaikan mempengaruhi minda, menyentuh emosi dan menggerakkan fizikal kepada amal soleh. Konsep *Ibad al-Rahman* dalam pertemuan kedua mengetengahkan peribadi unggul berdasarkan surah furqan ayat 63-77. Ia membentuk insan kamil yang mempunyai hubungan vertikal (kepada Allah) dan horizontal (sesama makhluk) secara

harmonis. Walaupun program ini berhadapan cabaran yang besar kerana dilaksanakan secara atas talian, namun dengan memanfaatkan platform *google meet* ia bukan menjadi batu penghalang untuk menyampaikan ilmu dan maklumat kepada para pelajar. Malah norma baharu mendekatkan pelajar dengan ilmu melalui kecanggihan teknologi yang digunakan.

*Naqib* juga berjaya menjadi pembimbing yang baik sebagai mentor yang mampu melahirkan kepimpinan fakulti pada masa akan datang. Silibus ketiga MyUsrati menekankan aspek pembentukan peribadi mukmin berdasarkan surah al-Mukminun ayat 1-11 yang mengaplikasikan iDART iaitu sifat amanah dan bersinergi dengan ESI iaitu sifat integriti. Sifat kepimpinan mahasiswa bermula dengan pembentukan akhlak mahmudah dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikon dalam kehidupan.

### iii. Interaksi dan komunikasi

Observasi para *naqib* selama tiga minggu program ini dilaksanakan menunjukkan trend positif khasnya dalam aspek interaksi dan komunikasi. Walaupun pada peringkat awal mereka agak kekok untuk berkenalan dan berkongsi maklumat, namun interaksi bertambah mesra bahkan dilanjutkan dalam medium *whatsapp* seperti saling bertanya khabar, saling mendoakan antara satu sama lain dan bertukar-tukar pandangan sama ada dalam isu peribadi atau semasa seperti pengurusan diri, masa dan akademik. Malahan tahap kemesraan tersebut dapat ditonjolkan melalui panggilan mesra seperti ‘abang’ dan ‘kakak’. Hasilnya dapat mengeratkan tali silaturrahim dan secara tidak langsung memecahkan jurang perbezaan antara *senior* (*naqib*) dan *junior*. Justeru, *naqib* dapat mencungkil potensi dan menggilap bakat serta menyalurkannya kepada aktiviti dan amal yang bermanfaat kepada komuniti di dalam dan luar kampus.

Secara keseluruhan, respon para *naqib* terhadap anak usrah adalah sangat memberangsangkan dan memberikan kesan positif kepada ahli kumpulan masing-masing. Ini menunjukkan program ini adalah relevan dan perlu dijalankan secara konsisten.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam artikel ini, terdapat tiga aspek yang dinilai oleh penyelidik dalam modul profetik MyUsrati iaitu kehadiran para pelajar, keaktifan pelajar dan penilaian *naqib* terhadap respon pelajar. Setelah komponen-komponen ini dapat dikenalpasti dan difahami, maka segala aktiviti pengurusan dalam meningkatkan kualiti modal insan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan. Modul profetik MyUsrati signifikan dalam melahirkan mahasiswa Muslim yang professional, kompeten dan berketerampilan tinggi. Justeru, pembangunan modal insan menjadi peneraju utama dalam membentuk sebuah negara yang maju serta seimbang dalam pembangunan ekonomi dan sosialnya, memiliki warga yang bersatu-padu, berpekteki mulia, berkemahiran, dan berpandangan komprehensif.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Dalam ACIS (GPD ACIS). Tajuk penyelidikan: Pembinaan modul Profetik Bagi Pembangunan Insan

Mahasiswa. Kod: 100-ACIS (PT.9/19).

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zin. 2010. Pembangunan Insan melalui Pemerkasaan Dakwah. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor et al. (pnyt.). *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, hlm. 34-35. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Ahmad. 2006. *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Atikullah Hj Abdullah dan Mohd Nizam Sahad. 2008. Konsep dan Perlaksanaan Pembangunan Insan dalam Membangunkan Negara Menurut Perspektif Islam dan Barat. *Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Jun 2008*, hlm. 9.
- Che Bakar Che Mat. 2007. *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Chua, Y. P. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill: Malaysia Sd. Bhd.
- Faudzainim Badaruddin. 2006. Pembangunan Ummah: Relevensi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden. Dlm. Ahmad Sunawari Long dan Zul'azmi Yaakob (pnyt.). *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir- Malaysia*, hlm. 132. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Haji Nik Mustapha Haji Nik Hassan. 2005. Falsafah Pembangunan Negara Mengikut Kacamata Islam. Dlm. *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Selangor Science & Technology Review Special Issue, Vol. 4, No. 3, (2020) 28 al-Haj. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor*, hlm. 99.
- Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Zakila Abd Rahman. 2009. Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat. Dlm. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009)*, hlm. 1–8. Pahang: Kuantan.
- Hasnah Hussin. 2007. Globalisasi: Kesannya ke Atas Pembentukan Modal Insan di Malaysia. Dlm. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et.al (pnyt.). *Modal Insan*, hlm. 177. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Nur Farhana Abdul Manan. 2019.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/57540/EDISI/Selangor-KL/Selangor-rancangan-inisiatif-pembangunan-mahasiswa-seiring-industri>.
- Sidek Baba. 2008. *Pembangunan Modal Insan dalam Pembangunan Negara (Seminar Pembangunan Mohd Kamal Hassan (1988), Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Suhairimi Abdullah. 2010. Melestari Pembangunan Manusia ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif al-Quran. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor et.al (pnyt.). *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*, hlm. 72. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.